



Buletin

JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



• PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF

Bil. 4/2009

ISSN 1985-2029

JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE

Riba dan Bentuknya Dalam Konteks Semasa

Tips Memilih Agensi Pengelola Umrah

Ekspedisi Memancing Di Port Dickson





JAWHAR

“Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad”

DARI MEJA



DARI MEJA KETUA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Settinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita masih lagi berkesempatan untuk melayari kehidupan dengan penuh keinsafan dan sama-sama dapat meraikan Aidiladha atau Hari Raya Korban sekali gus berpeluang melaksanakan ibadah korban yang sangat dituntut oleh agama bagi mendapat ganjaran yang selayaknya dari Allah S.W.T.

Aidiladha adalah suatu bentuk ibadah murni yang dilakukan sebagai pengabdian diri kepada Allah S.W.T. Oleh itu, Aidiladha mestilah disambut selaras dengan kaifiat syarak, iaitu dengan menunaikan solat sunat Aidiladha, bertakbir, bertahmid, bertasbih, bertahlil dan menyembelih binatang korban sebagai lambang pengabdian setulusnya kepada Allah S.W.T. dan pernyataan tanda settinggi-tingginya kesyukuran kepada-Nya.

Para pembaca yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian,

Korban dari sudut bahasa bermaksud dekat, manakala dari segi istilah bermaksud menjalankan perintah agama atau taat kepada perintah Allah S.W.T. kerana ingin mendekatkan diri kepada-Nya. Bertepatan dengan era semasa dalam melaksanakan misi perpaduan, setiap individu dituntut untuk berkorban dari pelbagai sudut demi menggapai kesepadan ummah yang utuh. Individu juga diseru untuk menanam nilai sahsiah yang tinggi dan bersatu hati serta tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir liar yang sentiasa mengintai ruang untuk merapuhkan ikatan perpaduan.

Kelonggaran ikatan persaudaraan dan kerapuhan perpaduan ummah hari ini bukan semata-mata disebabkan oleh faktor pendidikan, ekonomi, politik atau sosial, tetapi telah berakar umbi daripada pegangan agama yang longgar. Berpegang teguh kepada tali Allah (agama Islam) adalah kunci utama kepada penyatuan dan pengupayaan kekuatan ummah dalam pelbagai lapangan hidup.

Marilah kita mencontohi sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim A.S. dan Nabi Ismail A.S. serta junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan sama-sama kita berpadu usaha berkorban demi agama, bangsa dan negara. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat tahun baru (hijrah dan masih) dan diharapkan hari-hari yang mendatang akan lebih bermakna buat semua.

Sekian, terima kasih.

والسلام

En. Abd. Ghafar bin Yusof
Timbalan Ketua Pengarah
JAWHAR

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

KETUA EDITOR :

En. Abd. Ghafar b. Yusof

EDITOR :

Dr. Norazman b. Ismail
En. Ahmad Munir b. Ishak
Pn. Rosmawati bt. Yas
Cik Norlizah bt. Mainoordin

PEMBANTU EDITOR :

En. Zakaria b. Ahmad
Pn. Dayang Suhada bt. Md Yusop
Cik Dahlia bt. Ishak
Pn. Rohaizah bt. Mohd Rojulan
En. Mohd Fazarul b. Mohd Safain
Cik Wan Nur Izzati bt. Wan Azahari
Cik Kamariah Nor bt. Mohd Nong

GRAFIK :

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

JURUFOTO :

En. Muhamad Firdaus b. Abd. Rahim
En. Rozali b. Maarof

KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah JAWHAR.....	3
JID Bil.4/2009.....	4
JID Bil.5/2009.....	5
Ekspedisi memancing.....	6
Galeri JAWHAR.....	8
Lawatan Sub. Unit Pengurusan Sekolah, KPM.....	10
Latihan Penggunaan Sistem e-Wakaf.....	10
Riba dan Bentuknya dalam Konteks Semasa.....	11
Tips Memilih Agensi Pengelola Umrah.....	12
Pertukaran dan Lantikan Baru Warga JAWHAR.....	13
Permata JAWHAR.....	14
Selamat Pengantin Baru & Kehilangan Ahli Keluarga.....	15
Santapan Minda.....	16



PERUTUSAN KETUA PENGARAH JAWHAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah S.W.T. dan salam kasih kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, kita masih lagi dikurniakan kesempatan untuk merayakan Hari Raya Korban dan sambutan Maal Hijrah 1431H pada tahun ini dalam suasana tawaduk dan penuh kerahmatan.

Aidiladha merupakan perayaan istimewa kerana ia adalah hari untuk umat Islam memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim A.S. dalam menunaikan perintah Allah S.W.T. dan kesabaran anaknya Nabi Ismail A.S. dalam memenuhi perintah Allah S.W.T. Dalam keseronokan meraikan hari kebesaran itu, marilah sama-sama kita bermuhasabah diri, menyoal minda apakah sudah cukup pengorbanan kita kepada agama, bangsa dan negara yang kita cintai ini?

Sebagai seorang insan yang dibahunya terpikul berat amanah dan tanggungjawab, semoleknya kita tidak leka dengan segala kesenangan, kedamaian dan ketenangan yang dikecapi hari ini. Jasa dan pengorbanan generasi terdahulu perlu dikenang dan disanjung serta dipertahankan agar ia dapat dilestarikan untuk kesejahteraan ummah pada masa akan datang.

Hijrah dari sudut istilah membawa maksud meninggalkan sesuatu yang dilarang. Berdasarkan hadis daripada Abdullah bin Habsyi, bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud: “Orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah.” (Hadis riwayat Abu Dawud)

Dalam konteks hari ini, hijrah yang disambut saban tahun pula lebih kepada memperingati peristiwa penghijrahan Rasulullah S.A.W. dan para sahabat dari Kota Makkah Al-Mukarramah ke Kota Madinah Al-Munawwarah. Peristiwa hijrah tersebut menyingskap satu perjuangan yang ‘pantang menyerah atau mengaku kalah’ di samping ia menjadi garisan pemisah antara kebenaran dan kebatilan. Ia juga diibaratkan sebagai satu jambatan yang menghubungkan antara dua tahap masa perjuangan Rasulullah S.A.W. iaitu, pertama di Makkah selama 13 tahun, dan kedua, di Madinah selama 10 tahun.



Berlandaskan kepada tema Maal Hijrah pada tahun ini iaitu ‘Memantap Ukhuwwah, Memperkasa Ummah’, negara perlukan warganegara yang mempunyai nilai etika dan potensi diri yang mapan bagi menjayakan usaha pembangunan spiritual dan fizikal yang seimbang. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru agar setiap individu mananamkan semangat kekitaan yang jitu tanpa mengira keturunan, warna kulit dan kedudukan agar objektif perpaduan satu ummah dan konsep Gagasan 1Malaysia dapat dicapai dengan jayanya. Untuk meneruskan usaha memperkasakan JAWHAR, kita tidak memerlukan petualang-petualang seperti “Tikus Mondok” yang boleh memecahkan perpaduan kita.

Para pembaca yang budiman,

Saya mengharapkan agar penghijrahan pada tahun ini membawa sejuta makna kepada diri, keluarga, agama, bangsa dan negara kita. Sesungguhnya penghijrahan akan berlaku atas dorongan iman yang kuat dan suci. Inilah masanya untuk umat Islam di Malaysia menghayati roh hijrah untuk diaplikasikan dalam konteks semasa dalam membina semula keterbilangan tamadun Islam. Tamadun Islam tidak dapat dibina dengan hanya slogan-slogan indah atau retorik-retorik pengurusan yang ideal semata-mata, sebaliknya ia menuntut satu jihad, pengorbanan, kesungguhan dan komitmen yang jitu untuk menjulang panji-panji Islam ke persada dunia.

Sekian, terima kasih.

والسلام

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh
Ketua Pengarah
JAWHAR



JAWHAR

"Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad"

PERISTIWA

JAWHAR Intellectual Discourse (JID)

Bil.4/2009

20 Oktober 2009



JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil. 4/2009 telah diadakan pada 20 Oktober 2009 bersamaan dengan 1 Zulkaedah 1430H bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. JID pada kali ini yang bertemakan "Pusaka dan Wasiat: Harapan dan Keberkatan" telah dihadiri oleh seramai 275 orang peserta dari kalangan para pegawai dan kakitangan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga Negeri.

Majlis telah bermula seawal jam 9.00 pagi dengan acara perasmian yang telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd. Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. Dalam ucapan perasmian, beliau telah menekankan bahawa ilmu mengenai pusaka dan wasiat amat penting kerana kedua-duanya merupakan instrumen dalam perancangan harta umat Islam yang berkuat kuasa selepas berlakunya kematian.

Majlis kemudian diteruskan dengan sesi pembentangan kertas kerja oleh dua tokoh yang sememangnya berkepakaran dalam bidang pusaka dan wasiat iaitu Ustaz Mohd Zamro b. Muda, Pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Tn. Hj. Wan Abdul Halim b. Wan Harun, Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Perak.





JAWHAR Intellectual Discourse (JID)

Bil.5/2009

22 Disember 2009

JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.5/2009 telah berlangsung dengan jayanya pada 22 Disember 2009 bersamaan dengan 5 Muharram 1431H bertempat di Auditorium EA, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. JID kali ini bertemakan “Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah” yang dihadiri seramai 250 orang tetamu telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato’ Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Dalam ucapan perasmian, beliau telah menyentuh tentang kepentingan ilmu pengetahuan selaras dengan penganjuran JID oleh JAWHAR sebagai satu inisiatif menghija’kan budaya ilmu agar dapat disebar kepada penjawat awam dan individu yang hadir. Sekaligus, JAWHAR bersama para penceramah jemputan dapat mewakafkan ilmu pengetahuan untuk diamalkan oleh semua. Mengulas mengenai tema JID kali ini, beliau berpendapat “Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah” yang bertunjangkan akidah tauhidik telah melahirkan ummah manusia yang berjiwa penyayang sehingga sanggup menderma, mewakafkan harta benda, wang ringgit untuk memenuhi keperluan dan kepentingan orang lain, melebihi kepentingan diri sendiri.

Pada kali ini juga, JID membincarakan tentang peranan Institusi Al-Azhar dalam menjaga dan mengembangkan dana wakaf sehingga Institusi ini menjadi gah di persada dunia bermula penubuhannya pada tahun 359H bersamaan 970M sehingga sekarang. Dua orang penceramah telah diundang pada kali ini iaitu: Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki b. Hj. Ibrahim, Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) yang menyampaikan ceramah bertajuk “Institusi Al-Azhar: Keunggulan Pengurusan Dana Wakaf Dalam Sejarah Tamadun Islam” dan Prof. Madya Dr. Ridzuan b. Awang, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan tajuk ceramahnya “Konsep Istibdal: Sejauhmana Amalannya di Malaysia”.





EKSPEDISI MEMANCING DI KELONG LUKUT, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

14 November 2009

Kami bertolak dari Putrajaya pada jam 10.20 pagi. Walaupun cuaca cerah namun gerimis dan hujan lebat turun sekali sekala di sepanjang perjalanan. Seramai 18 peserta dari Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sudah bersedia untuk menyahut cabaran ekspedisi memancing di kelong Kuala Lukut, Port Dickson (PD), Negeri Sembilan.

“Semuanya siap?” tanya Dato’ Ketua Pengarah kepada En. Zainuddin yang juga Pengerusi Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR. “Sudah Dato” jawabnya bersahaja. “Kalau begitu baca doa bermusafir dan kita bertolak sekarang”.

Untuk menghilangkan rasa jemu dalam perjalanan ke Kuala Lukut yang memakan masa dua jam itu, peserta bersempang dengan rancak sekali. Ada dalam kalangan kami walaupun sudah kenal tapi tidak begitu rapat. Kami melalui Tol Kajang menuju ke Kuala Lukut, Port Dickson. Hujan mulai turun, kadang kala lebat dengan kereta di lebuh raya semakin banyak. Di kiri-kanan jalan biasa saja tiada yang menarik kecuali Nilai Memorial Park di mana kelihatan kawasan perkuburan kaum Tionghua yang tersusun begitu baik sekali berbeza dengan perkuburan lain, agaknya mereka mengamalkan Amalan 5S seperti di JAWHAR.

Kami berhenti di Perhentian R&R, Lebuh raya Port Dickson-Seremban jam 11.20 pagi. Ramai peserta turun untuk memperbetulkan tulang-temulang dan ada yang pergi menunaikan hajat. Di situ kami berhenti lebih kurang 15 minit untuk bertemu dengan para peserta dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang diketuai oleh Pemangku Setiausaha MAINS, En. Kamal Amran b. Kamarudin. Urusan tempahan kelong dan sebagainya dibuat oleh MAINS. Terima kasih daun keladi kami ucapkan.

Sebenarnya, tujuan utama ekspedisi memancing ini ialah untuk merapatkan lagi hubungan yang memang sedia terjalin antara JAWHAR, YWM dan MAINS. Sebelum ini, perjumpaan melalui aktiviti formal saja diadakan seperti mesyuarat dan JAWHAR Intellectual Discourse (JID) di mana semua MAINS dijemput menghadirinya.

Dari R&R itu, kami menuju ke Kuala Lukut jam 11.35 pagi. Ahli ekspedisi sudah mula berasa ingin cepat sampai ke destinasi yang dituju. Kami sampai di jeti Kuala Lukut jam 12.00 tengah hari. Semua peserta berehat sebentar di kedai makan tepi jeti yang juga berfungsi sebagai tempat tempahan kelong. Para peserta mula memunggah barang-barang ke dalam bot. Semua peserta tolong-menolong mengangkat barang seperti amalan lazim di JAWHAR iaitu “teamwork”. Pada masa itu air surut dan perlu berhati-hati menghulur barang supaya tidak jatuh ke dalam laut dan menjadi tukun. Bot perantara dari jeti ke kelong yang jaraknya 5 km itu hanya boleh memuatkan 8-9 orang dalam satu perjalanan.

Oleh itu, untuk membawa semua peserta, 3 trip diperlukan. Trip pertama dan kedua bertolak dalam hujan lebat dan awan gelap menyelubungi langit. Laut berombak hampir 1 meter tinggi direndah oleh bot perantara yang kecil itu. Dato’ KP



menaiki bot trip ketiga jam 1.00 petang. Dengan angin yang bertiup kencang dan hujan yang semakin lebat bot meredah ombak yang besar. Pemandu memperlakukan enjin bot untuk disesuaikan dengan ombak yang beralun kuat. Untuk sampai ke kelong dengan laut yang bergelora itu, perjalanan yang sepatutnya memakan masa hanya 15 minit terasa begitu lama. Dalam hati berkata-kata, “bila nak sampai ni?”. Walaupun kelong di depan mata, kerana cuaca buruk, hati terasa takut terutama mereka yang pertama kali mengalami keadaan yang sedemikian.

Akhirnya, bot mula merapat ke tangga jeti kelong yang diperbuat daripada batang kayu bakau dan tiang konkrit yang dipacak hingga ke dasar laut, berlantai dan berdindingkan papan serta beratapkan genting menambahkan kekukuhannya. Dato' KP menasihati kami semua supaya berhati-hati menaiki tangga dan tidak memegang tepi bot kerana gusar akan bergezel dengan tiang kelong yang dipenuhi teritip. Alhamdulillah, kami semuanya selamat menaiki kelong Lukut jam 1.15 petang. Setiap peserta berwajah ceria dan tidak sabar lagi hendak memancing.

Kelong ini kepunyaan Koperasi Persatuan Nelayan Tempatan yang boleh memuatkan antara 30-40 peserta pada satu-satu masa. Di pelantar kelong siap dengan tempat meletak joran pancing, bilik tidur, tempat memasak, bilik sembahyang dan bilik air. Bagi mereka yang tidak memasak, makanan boleh dipesan dari restoran Kuala Lukut.

Peserta mula sibuk mengambil tempat di sekeliling pelantar kelong untuk aktiviti memancing. Pelbagai jenis joran mula bersusun di kayu pagar kelong dan para peserta menanti agar nasib menyebelahi kami. Di bawah kelong terasa siri hentakan ombak yang kuat dengan hujan yang masih lebat dan tiupan angin yang mendinginkan. Namun begitu, peserta terus memancing dengan menggunakan umpan udang, umpan-umpun (perumpun) dan anak ikan. Suasana menjadi hingar dengan jeritan apabila ada peserta berjaya menaikkan ikan daun baru dan “thunder” ke pelantar kelong. Selepas itu, banyak ikan-ikan serkut yang hidup di kawasan batu karang berjaya dipancing. Dato' KP sendiri berjaya menaikkan ikan talang yang agak besar. Sementara itu, peserta perempuan sibuk memasak cucur bilis untuk kami semua.

Pada sebelah petang, dengan cuaca yang semakin gelap dan hujan yang berterusan aktiviti memancing masih diteruskan walaupun keceriaan peserta semakin pudar dek kelelahan dan kekenyangan. Ada pancing yang putus disebabkan di pagut ikan atau tersangkut di batu karang yang dibawa ikan dan ada juga ikan yang terlepas semasa berada di permukaan air. Tidak kurang juga tali pancing yang tersangkut dengan tali pancing peserta lain yang banyak itu. Keadaan kembali riuh apabila ada yang berjaya menaikkan ketam dan ikan sembilang. Banyak ikan dapat ditangkap walaupun tiada yang begitu besar saiznya. Seorang pemancing lain yang dikenali sebagai Cikgu Mat telah sampai dengan membawa sepuluh batang pancing, lapan daripadanya 15 kaki panjang. Dari perbualan dengannya, beliau adalah “*regular customer*” ke kelong itu dan pernah menaikkan pelbagai jenis ikan besar seperti jenahak. Kali ini beliau mendapat pari rimau seberat 4 kg.

Pada sebelah malamnya, lampu dihidupkan dengan menggunakan kuasa bateri lori. Ia cukup untuk menerangi kelong walaupun tidak begitu terang. Kami sembahyang bergilir-gilir di bilik yang disediakan. Hujan sudah mula berhenti dan laut begitu tenang. Dari jauh kelihatan hotel-hotel dan pekan PD bergemerlapan dengan lampu neon. Di tengah laut terdapat 12 buah kapal dagang berlabuh menunggu giliran untuk singgah di pelabuhan PD. Suasana amat nyaman sekali. Aktiviti memancing diteruskan. Masing-masing begitu sabar menunggu pancing diragut ikan.

Sememangnya banyak faktor untuk mendapat ikan. “Bukan senang hendak jadi senang dan bukan susah hendak jadi susah”, kata orang sekarang. Semestinya kita disuruh berusaha bersungguh-sungguh. Malam semakin larut, ramai peserta yang masuk tidur dan ada juga yang terus memancing.

15 November 2009

Selepas solat Subuh, Dato' KP berjaya menaikkan ikan daun baru yang besar dengan menggunakan joran Berkley Scorpion dan mesin DiaMaster saiz kecil setelah bertarung asakan ikan tersebut lebih sepuluh minit. Ramai peserta mula mengambil tempat di pelantar kelong untuk memancing. Semua menaruh harapan semoga mendapat ikan yang lebih besar daripada Dato' KP. Mentari mula menunjukkan wajahnya di ufuk timur dan suasana di kelong semakin riuh. Banyak ikan-ikan serkut yang dapat dipancing. Sambil memancing kami bersarapan di pelantar kelong dan terasa sungguh menyeronokkan.

Hari semakin meninggi. Sebelum pulang, anak sulung Dato' KP berjaya menaikkan ikan sebelah dan ramai juga yang dapat ikan-ikan serkut. Jam 12.00 tengah hari semua peserta bersiap untuk pulang dan makan tengah hari di restoran jeti Kuala Lukut. Dalam perjalanan pulang tiada perbualan kedengaran kerana masing-masing kepenatan dengan fikiran yang menerawang saat-saat manis aktiviti ini dan melayan mata yang semakin mengantuk. Alhamdulillah, kami selamat sampai di Putrajaya jam 3.30 petang. Hasil pancing kami buat kenduri di pejabat pada 20 November 2009 sempena Hari Bersama Ketua Pengarah. Kini genaplah kalender ekspedisi memancing JAWHAR Anglers Club (JAC) iaitu memancing di Tasik Kenyir, mencandat sotong di Perairan Pulau Kapas, Terengganu, memancing laut dalam di Perairan Pulau Jarak, Pulau Pangkor, Perak dan memancing di Kelong.

Berdasarkan pengalaman Dato' KP, sebagai tips memancing di kelong, untuk mendapat ikan ia banyak bergantung pada pasang surut air, peralihan arus dan juga makanan ikan terutama kelong yang terletak berhampiran dengan pantai. Pemilihan umpan juga penting seperti janggut sotong katak sesuai untuk pari dan tahan lama kerana ikan kecil tidak memakannya. Semoga jumpa lagi.





JAWHAR

"Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad"

GALERI

GALERI JAWHAR

PERTANDINGAN BADMINTON KARNIVAL SUKAN
JPM 2009, 10 OKTOBER 2009



PERLAWANAN FUTSAL WANITA PERSAHABATAN DENGAN
PASUKAN FUTSAL ISTANA NEGARA, 13 OKTOBER 2009

LAWATAN 5S JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA KE JAWHAR, 14 OKTOBER 2009



HARI BERSAMA DATO' KP,
16 OKTOBER 2009



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI JAWHAR,
16 OKTOBER 2009



LAWATAN ISDEV KE JAWHAR, 10 NOVEMBER 2009



HARI BERSAMA DATO' KP, 19 NOVEMBER 2009



LAWATAN KAJIAN PEMBANGUNAN SISTEM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
2 DISEMBER 2009



LAWATAN UIAM KE JAWHAR, 3 DISEMBER 2009



TAKLIMAT SISTEM PROTIME, MYASSET DAN INTRANET,
9 DISEMBER 2009

PENGAUDITAN DARI PEJABAT KETAU PEGAWAI
KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA ,
21 DISEMBER 2009



HARI BERSAMA DATO' KP, 24 DISEMBER 2009





Lawatan Sub. Unit Pengurusan Sekolah, Kem. Pelajaran Wilayah Persekutuan 06 Oktober 2009

Sub. Unit Pengurusan Sekolah, Kementerian Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya telah mengadakan lawatan ke Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri bagi melihat sendiri pengamalan Persekitaran Berkualiti 5S dan berkongsi pendapat mengenai perkara tersebut. Rombongan ini diketuai oleh Ketua Unit Pengurusan Akademik, Sekolah dan Pembangunan Kemanusiaan, Y. Brs. Puan Hajah Farizah Ahmad.

Lawatan tersebut telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Penyelaras Jawatankuasa Induk Amalan Persekitaran Berkualiti 5S JAWHAR. Ini diikuti dengan ucapan balas daripada ketua rombongan dan seterusnya para hadirin telah dipaparkan dengan tayangan video korporat JAWHAR bagi menerangkan serba sedikit mengenai latar belakang dan peranan Jabatan ini. Taklimat mengenai pengamalan Persekitaran Berkualiti 5S Jabatan telah disampaikan oleh Penolong Penyelaras Amalan 5S JAWHAR. Pelbagai maklumat telah dikongsi bersama dengan tetamu yang hadir bagi memberi kefahaman serta gambaran sebenar mengenai pengamalan 5S di Jabatan ini semasa sesi perbincangan. Taklimat diakhiri dengan majlis bertukar-tukar cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan dan ketua rombongan juga sempat menandatangani buku pelawat Jabatan.



Latihan Penggunaan Sistem e-Wakaf 17-18 November 2009

Latihan penggunaan sistem e-Wakaf telah diadakan di Bilik Latihan ICT, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Kuala Terengganu pada 17-18 November 2009. Latihan ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pengguna untuk memasukkan data berkaitan dengan tanah wakaf dan baitulmal menerusi sistem e-Wakaf serta keperluan teknikal pegawai ICT.

Seramai 10 orang peserta telah mengikuti latihan ini terdiri daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Agama Islam Perlis yang terlibat dalam pelaksanaan perluasan sistem e-Wakaf selepas Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka. Latihan pengguna sistem e-Wakaf dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR dengan kerjasama Unit ICT MAIDAM. Turut hadir Puan Norbaiyah binti Sukor, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR.

RIBA DAN BENTUKNYA DALAM KONTEKS SEMASA

Oleh: Zuzaidaisyantie bt. Zaaba



Riba dari segi bahasa bermaksud tambahan atau kenaikan. Dari segi istilah syarak pula, *riba* bermaksud penambahan nilai ke atas sesuatu pinjaman yang disyaratkan oleh pemberi pinjaman atau dijanjikan oleh penerima pinjaman. Manakala dalam pertukaran sesetengah barang dan mata wang, ia bermaksud perbezaan nilai akibat kuantiti yang berbeza waktu pertukaran.

Perbezaan paling utama antara perbankan Islam dan perbankan konvensional adalah keterlibatan dengan *riba*. Bank-bank yang mengamalkan perbankan Islam tidak mengamalkan *riba* dalam urus niaga mereka, malah menggunakan transaksi-transaksi yang mematuhi syariah.

Riba dalam konteks semasa boleh berlaku dalam pelbagai bentuk terutamanya dalam aktiviti pinjaman wang. Sebagaimana yang kita ketahui pada hari ini, pihak bank menawarkan pelbagai pinjaman seperti pinjaman peribadi, kereta, rumah, urusan perniagaan dan sebagainya. Dalam konteks pinjaman wang ini, Islam hanya membenarkan pinjaman yang dibuat tanpa sebarang faedah atau bunga yang dikenakan kepada peminjam kerana itu merupakan *riba* yang nyata.

Oleh itu, pemberi pinjaman tidak boleh mengaut sebarang keuntungan daripada peminjam hasil daripada pinjaman tersebut kerana pinjaman dalam Islam merupakan satu proses yang dibuat secara rela dan atas dasar bantu-membantu iaitu disebut dalam Islam sebagai *qardhul-hasan* (pinjaman tanpa sebarang faedah yang dikenakan kepada peminjam).

Selain itu, *riba* dalam konteks semasa juga berlaku dalam akaun simpanan dan pelaburan. Ia berlaku apabila pelanggan meletakkan wangnya dalam Akaun Pelaburan Dengan Pulangan Tetap (*Fixed Deposit Account*) dan juga Akaun Simpanan Biasa (*Ordinary Saving Account*). *Riba* berlaku apabila pihak bank menetapkan kadar faedah tertentu kepada pelanggan mengikut peratusan yang ditetapkan.

Penindasan boleh berlaku dalam kedua-dua bentuk simpanan dan pelaburan konvensional di atas. Contohnya, pihak bank akan terjejas apabila pelaburan yang dibuat rugi tetapi masih perlu membayar faedah (*riba*) sebagaimana yang ditetapkan kepada pelanggan. Manakala pihak pelanggan pula akan tertindas apabila bank mendapat keuntungan sebenar yang besar tetapi pelanggan hanya mendapat nisbah kecil yang dijanjikan atau ditetapkan sebelum ini.

Dalam perbankan Islam, suasannya amat berbeza di mana semua pelanggan diberi pilihan untuk menyimpan sama ada menggunakan akaun simpanan berasaskan konsep *wadi'ah* (simpanan biasa) atau akaun simpanan berasaskan instrumen *mudharabah* (perkongsian untung) yang mana kedua-duanya tidak mengamalkan *riba* dan keuntungan yang adil dinikmati oleh semua pihak iaitu bank dan juga pelanggan.

Melalui konsep *wadi'ah*, pihak bank menjamin keselamatan wang yang disimpan oleh pelanggan dan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa. Dalam masa yang sama, biasanya wang yang disimpan itu akan digunakan untuk tujuan pelaburan oleh pihak bank pada perkara-perkara yang halal sahaja dan segala kerugian dijamin akan ditanggung oleh pihak bank. Sekiranya mendapat keuntungan, pihak bank juga biasanya akan memberikan *hibah* (hadiah sejumlah wang) kepada penyimpan sebagai tanda penghargaan.

Berlandaskan konsep *mudharabah* pula, pihak pelanggan menyimpan wangnya sambil membuat pelaburan secara khusus yang dijalankan oleh pihak bank dalam perkara-perkara yang halal sahaja dan pelanggan bersedia menerima risiko lebih bagi tujuan mendapat keuntungan yang lebih besar sekiranya pelaburan berjaya serta mendapat pulangan yang lumayan.

Adapun dalam perbankan konvensional, proses pengendalian akaun simpanan dan pelaburan adalah amat berbeza sekali di mana mereka pasti akan menumpukan pelaburan dalam syarikat-syarikat yang boleh memberi pulangan besar tanpa meninjau aspek pematuhan syariah atau tidak.

Kesimpulannya, penyelesaian kepada aktiviti *riba* dalam sistem perbankan semasa adalah dengan menggunakan sistem perbankan Islam selaras dengan hukum Islam yang mengharamkan urus niaga berdasarkan faedah (*riba*). Malahan pihak bank masih boleh menjana keuntungan tanpa mengamalkan *riba* melalui alternatif transaksi-transaksi seperti *mudharabah* (perkongsian keuntungan), *wadi'ah* (simpanan amanah), *musyarakah* (usaha sama), *murabahah* (kos tambahan), *ijarah* (sewaan) dan sebagainya.



Tips Memilih Agensi Pengelola Umrah



Oleh: Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali

Kedatangan tahun baru disambut dengan bacaan doa awal tahun. Moga-moga pembukaan yang baik ini menjanjikan keberkatan sepanjang tahun ini. Lazimnya tahun baru sinonim dengan azam baru. Sekiranya anda berhasrat untuk menuaikan umrah pada tahun ini, maka tips di bawah amat penting diketahui sebagai langkah permulaan.

Hasrat murni untuk menuaikan ibadat umrah dapat ditunaikan sekiranya bakal jemaah mengambil langkah-langkah berikut:

1. Membuat kajian perbandingan harga pakej-pakej yang ditawarkan. Kebiasaannya harga berubah mengikut musim dan jenis pakej yang dipilih. Setiap promosi yang diiklankan mempunyai nombor rujukan kelulusan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia;
2. Menyelidik latar belakang agensi; - Lesen dan permit untuk ‘outbound’ yang sah, pengalaman agensi mengelolakan umrah dan urusan visa yang dikendalikan oleh agensi sama ada diuruskan sendiri atau menggunakan khidmat orang tengah. (Rujukan dan semakan agensi pengelola umrah yang sah boleh dibuat kepada Kementerian Pelancongan Malaysia); Mengambil tahu syarikat penerbangan, jenis perjalanan sama ada terus ke Jeddah atau ke Madinah atau jemaah perlu transit dan bermalam di negara lain;
3. Mengambil maklum tentang hotel penginapan yang disediakan oleh agensi;
4. Bagaimanakah bayaran dibuat? - Sama ada kepada akaun syarikat atau kepada akaun persendirian pengurus agensi atau kepada akaun agen-agen yang dilantik oleh agensi. Pastikan jemaah menyimpan resit pembayaran dan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh agensi;
5. Adakah terdapat bayaran-bayaran tambahan?;
6. Adakah agensi mengenakan syarat-syarat tambahan lain yang tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa?;
7. Adakah agensi mengadakan kelas bimbingan umrah?; dan
8. Setelah berpuas hati dengan maklumat-maklumat seperti di atas barulah jemaah boleh membuat pemilihan agensi pengelola umrah.

Hadis Rasulullah

“Satu umrah ke umrah yang lain menghapuskan (dosa) yang dilakukan di antara keduanya dan haji yang baik (diterima) tiada baginya balasan melainkan surga.”



PERTUKARAN DAN LANTIKAN BARU WARGA JAWHAR JULAI - SEPTEMBER 2009

PERTUKARAN KELUAR PEGAWAI-PEGAWAI JAWHAR

Bil.	Nama	Jawatan	Ke Jabatan / Kementerian	Tarikh Bertukar
1.	Faridah bt. Ismail	Pembantu Tadbir, BKPSM	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	14/10/2009
2.	Asmini bt. Ludin	Pembantu Tadbir, BKPSM	JPA, Subang	19/10/2009
3.	Faizah bt. Muhamad	Pembantu Tadbir, BKPSM	JPA, Cyberjaya	20/10/2009
4.	Erma Suzia bt. Abdul Rahman	Pembantu Tadbir, BKPSM	Unit Kerjasama Awam Swasta	20/10/2009
5.	Nik Khairul Rizal b. Nik Aziz	Penolong Pengarah Zakat	Unit Perancang Ekonomi	29/10/2009
6.	Norhazimah bt. Che Hassan	Pengarah Mal	Cuti Tanpa Gaji	01/11/2009
7.	Zaharah bt. Harun	Penolong Pegawai Tadbir, BKPSM	Ibu Pejabat Penjara,Kajang	05/11/2009
8.	Rokhoun Nafsiah bt. Hj Abd Rashid	Pengarah P&P	Kementerian Kewangan	23/11/2009

PERTUKARAN MASUK PEGAWAI-PEGAWAI JAWHAR

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Lapor Diri	Daripada Jabatan / Kementerian
1.	Chik Asiah bt. Md Yusuf	Pembantu Tadbir, PUU	15.10.2009	Mahkamah Putrajaya
2.	Hasrolnizam b. Rosli	Pembantu Tadbir, BKPSM	20.10.2009	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah
3.	Noor Azura bt. Zainal	Pembantu Tadbir, Bhg. Wakaf	20.10.2009	MAMPU
4.	Erma Marlina bt. Hamsan	Penolong Pengarah 1, Bhg. Zakat	29.10.2009	Lantikan Baru
5.	Aishah bt. Ahmad	Pembantu Tadbir, BKPSM	02.11.2009	Lantikan Baru
6.	Ku Hayati bt. Ku Haron	Penasihat Undang- Undang, PUU	02.11.2009	Jabatan Peguam Negara
7.	Rizan b. Maidin	Penolong Pegawai Tadbir, BKPSM	05.11.2009	Lantikan Baru
8.	Khairunnisa bt. Md Nasir	Pembantu Tadbir, BKPSM	09.11.2009	Bhg. Penyelidikan, JPM
9.	Dr. Norazman b. Ismail	Pengarah, Bhg. P&P	23.11.2009	Bhg. Latihan, JPA



JAWHAR

"Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad"

INFO WARGA

P
e
r
m
a
t
a

J
a
w
h
a
r



Nama ibu : Pn. Haryanti bt. Haron
Jawatan : Pembantu Tadbir Kesetiausahaan (Zakat)
Nama anak : Nur Azzalea Insyirah bt. Mohd Uzzair
Tarikh lahir: 06 September 2009



Nama ayah: En. Abdul Fatah b. Suyut
Jawatan : Penolong Pengarah (Wakaf)
Nama anak: Nur Aimana Naufal b. Abdul Fatah
Tarikh lahir: 31 Disember 2009



Nama ayah: En. Sharifful Hakim b. Suman
Jawatan : Penolong Pengarah (Haji) 2
Nama anak: Aufa Imamina bt. Sharifful Hakim
Tarikh lahir: 20 Oktober 2009



Nama ibu: Pn. Asmini bt. Ludin
Jawatan : Pembantu Tadbir (Sumber Manusia)
Nama anak: Muhammad Iskandar b. Sallehuddin
Tarikh lahir : 23 Oktober 2009

MARI BERDOA



Doa mendapat zuriat yang baik
“Wahai Tuhan, kurniakanlah kepadaku daripada sisiMu
zuriat yang baik, sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar
(menerima) Doa.”

(Surah Ali Imran, Ayat 38)



Selamat Pengantin Baru

Majlis perkahwinan Pn. Ruhayawati bt. Ramli, Akauntan Bahagian Zakat telah diadakan pada hari Sabtu, 21 November 2009 bertempat di 836 Permatang Tinggi C, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Kehilangan ahli keluarga

Dimaklumkan bahawa ibu kepada Pn. Siti Patimah bt. Ali (BKPSM) telah kembali ke Rahmatullah pada 12 November 2009 dan ibu En. Mohd Ishak b. Abu (BKPSM) telah kembali ke Rahmatullah hari Selasa iaitu pada 1 Disember 2009. Marilah kita bersama-sama sedekahkan Al-Fatihah. Semoga rohnya dicucuri rahmat.

Takziah kepada ahli keluarga yang terlibat...innalillahi wainna ilaihirojiun...

DOA RASULULLAH

“Ya Allah, aku memohon petunjuk dariMu, memohon ketakwaan, memohon kesejahteraan dan kekayaan”.



PENAWAR STRESS?

Amalkan 10 B



- BERFIKIRAN FOSITIF
 - BERNAFAS DENGAN DALAM
 - BERIBADAT
- BEREHAT DAN MENDENGAR MUZIK
- BERSENAM

- BERTENANG
 - BERCAKAP DENGAN SESEORANG
- BERURUT
 - BERKATA "RELAKSLAH"
- BERIADAH

GEJALA STRESS:

- GELISAH
- RISAU KETERLALUAN
- GANGGUAN TIDUR
- KURANG TUMPUAN KERJA
- CEPAT MARAH

PUNCA STRESS:

MASALAH KERJA

MENUNGGU LAMA

KONFLIK RUMAH TANGGA

KENA BULI

RASA RENDAH DIRI

BEBAN KERJA

PENYAKIT FIZIKAL

KESESAKAN LALU LINTAS

TRAGEDI

SUMBER : KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISSN 1985-2029

